

JPKN wakili M'sia dalam Anugerah Kecemerlangan peringkat Asia Pasifik

KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) merupakan satu-satunya jabatan yang mewakili Malaysia dalam satu pertandingan Anugerah Kecemerlangan IT 2013 (IT Excellence Awards 2013 -ITX) peringkat Asia Pasifik.

Pengarahnya, Dr. Hj. Minggu Jumaan (gambar) berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Seminar ICT 2013 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang bertemakan "Pemantapan Peranan Penjawat Awam Melalui ICT."


" Kita baharu sahaja menerima surat menyatakan JPKN telah disenaraipendekkan dalam ITX yang mana juga merupakan kali pertama menyertainya dan dicalonkan," jelasnya.

Penganugerahan tersebut juga telah diterbitkan oleh MIS Asia Fairfax Business Media Asia (FBM Asia) dan penganalisis firma, IDC Asia/Pacific.

JPKN telah disenaraikan dalam kategori Strategi Keselamatan Terbaik (Best Security Strategy - Implementing And Achieving ISMS ISO/IEC 27001:2005 Certification in Sabah State Public Service) yang turut akan bersaing dengan 5 lagi syarikat atau jabatan dari rantau lain dan keputusan ITX itu akan diketahui pada penghujung bulan Julai ini.

Menurut beliau, berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan kepada JPKN itu, menyatakan, ITX tahun ini telah disertai seramai 37 peserta akhir bagi 51 projek bernilai tinggi.

Anugerah tersebut juga merupakan satu penganjuran bagi pengiktirafan program paling berprestij di rantau ini bagi organisasi-organisasi yang memanfaatkan ICT untuk memacu kejayaan dalam perniagaan dan kepimpinan dalam industri.



Sementara itu, Minggu turut memberitahu dimana, JPKN adalah satu-satunya jabatan di Negara ini mengaplikasikan dan membangunkan sendiri sistem ICT dan keselamatannya.

"Sabah adalah satu-satunya yang membangunkan sistemnya sendiri dan juga memantau setiap sistem tersebut dari masa ke semasa," katanya yang memberitahu terdapat sebanyak 200 laman sesawang yang dipantau dan dikemas kini oleh JPKN di negeri ini yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, pejabat majlis daerah, badan-badan berkanun dan yang berkenaan.

"Laman sesawang yang ada akan sentiasa dikemas kini setiap kali terdapat maklumat atau info-info terkini yang menepati standard dan piawaian yang ditentukan," jelasnya. - **OLEH OLI CHONG (oli@newsabah-times.com.my)**